

**KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA
YANG KESEPULUH**

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
15 OKTOBER 2008**

**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
(256439-D)
Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur**

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Pengurus	ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD (256439-D)
Ibu Pejabat	Tingkat Bawah, Wisma ASMB, No. 1A, Jalan Lumut Peti Surat 10701, 50722 Kuala Lumpur Tel: (03) 4145-3800 Faks: (03) 4145-3901 E-mel: asmis@asmb.com.my Laman Web: www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm
Pengarah- Pengarah Syarikat Pengurusan	YBhg. Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan Encik Mansoor bin Ahmad Tuan Hj Mohamed Hisham bin Che Abdul Ghani * Encik Izaddeen bin Daud * (* Berkuatkuasa sehingga 27 Februari 2008) Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff - (Berkuatkuasa mulai 20 Mei 2008)
Ketua Pegawai Eksekutif	Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff (Berkuatkuasa mulai 1 Mei 2008)
Setiausaha Syarikat	Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744) Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)
Jawatankuasa Pelaburan	YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed Encik Hassan bin Jaafar Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah Encik Mansoor bin Ahmad Encik Izaddeen bin Daud - (Berkuatkuasa sehingga 29 Februari 2008)
Pemegang Amanah	Amanah Raya Berhad (344986-V) Tingkat 15, Wisma AmanahRaya No. 2, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Tel: (03) 2036-5000
Juruaudit	Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381) Suite 701, Tingkat 7 Wisma Hangsam Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur Tel: (03) 2070-4408

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	MAKLUMAT TABUNG	4
1.1	Profil Tabung	4
1.2	Kategori/Jenis Tabung	4
1.3	Saiz Tabung	4
1.4	Objektif Tabung	4
1.5	Tanda Aras Tabung	4
1.6	Dasar Pengagihan Tabung	4
1.7	Kedudukan Pegangan Unit	4
2.	PENCAPAIAN DANA	5 – 6
2.1	Komposisi Tabung	5
2.2	Prestasi IK KL	6
2.3	Pengagihan Pendapatan	6
2.4	Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan	6
3.	LAPORAN PENGURUS	7 – 14
3.1	Analisa Prestasi Tabung	7
3.1.1	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Objektif Pelaburan	7
3.1.2	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Tanda Aras	7
3.2	Prestasi Kewangan Tabung	8
3.3	Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL	8
3.4	Jumlah Pulangan Tabung	9
3.5	Polisi dan Strategi Pelaburan	9
3.6	Pengagihan Aset-Aset Tabung	9
3.7	Prestasi Instrumen Pelaburan	10
3.8	Suasana Bursa Saham Tempatan	11
3.9	Suasana Pasaran Wang	13
3.10	Pengagihan Pendapatan	14
3.11	Terbitan Unit Pecahan	14

No.	Kandungan	Muka Surat
3.12	Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan	14
3.13	Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit	14
3.14	Rebet dan Komisen Tidak Langsung	14
4.	PERNYATAAN PENGURUS	15
5.	LAPORAN JURUAUDIT	16 – 17
6.	PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH	18
7.	PENYATA KEWANGAN	19 – 32
8.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	33 – 34
9.	MAKLUMAT TAMBAHAN	35
10.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	36 – 37
11.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	38
12.	BORANG PERTUKARAN ALAMAT	39

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 Profil Tabung

Tabung ini telah dilancarkan pada 24 Oktober 1978 sebagai Kumpulan Modal Bumiputera Yang Kesepuluh (KMB10), khas untuk Bumiputera dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

1.2 Kategori/Jenis Tabung

Dana Ekuiti/Pertumbuhan dan Pendapatan.

1.3 Saiz Tabung (yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti)

50.0 juta unit.

1.4 Objektif Tabung

Objektif utama Tabung anda ialah untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur menikmati pendapatan yang berterusan (jika ada) dan pertumbuhan modal dalam tempoh sederhana hingga panjang.

1.5 Tanda Aras Tabung

Indeks Komposit Kuala Lumpur (IK KL).

1.6 Dasar Pengagihan Tabung

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan diisytiharkan pada akhir setiap tahun kewangan bergantung kepada lebihan pendapatan sepanjang tempoh kewangan.

1.7 Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Oktober 2008

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	3,606	96.78	2,457,425.05	39.30
5,001 - 10,000	79	2.12	503,984.87	8.06
10,001 - 50,000	36	0.96	577,704.84	9.24
50,001 - 500,000	4	0.11	425,079.30	6.80
500,001 dan ke atas	1	0.03	2,288,708.70	36.60
Jumlah	3,726	100.00	6,252,902.76	100.00

* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 Komposisi Tabung

Sektor (%)	Prestasi Tabung Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Oktober		
	2008	2007	2006
Barangan Pengguna	-	4.0	-
Barangan Industri	3.0	9.8	12.9
Pembinaan	9.7	17.1	5.1
Dagangan & Perkhidmatan	12.8	16.4	13.6
Kewangan	12.4	14.2	22.7
Perladangan	10.8	15.7	4.4
Derivatif Tersiarharga	1.7	2.2	-
Skim Pelaburan Kolektif Tersiarharga (REITS)	-	-	0.6
Sekuriti Pendapatan Tetap Tersiarharga	-	-	2.9
Nota Perdagangan	-	-	7.1
Instrumen Pasaran Wang/dll	46.6	20.6	30.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	4,611	6,194	7,098
Unit Dalam Edaran ('000)	6,456	6,301	9,396
Nilai Aset Bersih Seunit - xD (RM)	0.7141	0.9830	0.7554
Nilai Aset Bersih Seunit: - xD (Tertinggi: 16/10 - 15/10) (RM)	1.0906	1.0552	0.7833
(Terendah: 16/10 - 15/10) (RM)	0.7141	0.7515	0.7195
Jumlah Pulangan * (%)	(23.80)	38.63	(2.67)
- Pertumbuhan Modal * (%)	(27.31)	30.13	(2.67)
- Pengagihan Pendapatan * (%)	3.51	8.50	-
Saiz Purata Tabung (RM'000)	5,947	6,152	10,197
Jumlah Perbelanjaan (RM'000)	117	118	187
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	1.96	1.92	1.83
Kos Purata Jualan & Belian (RM'000)	4,885	3,694	6,562
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	** 0.82	0.60	0.64

* **Sumber: Lipper**

** Kadar PGP meningkat sebanyak 36.67% berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti secara aktif yang lebih menjurus kepada pengambilan untung serta mengurangkan pendedahan ekuiti portfolio memandangkan ketidaktentuan pasaran dan kejatuhan pasaran serantau.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

* Jumlah Pulangan Tahunan (Berakhir 15 Oktober)				
2008	2007	2006	2005	2004
(23.80%)	38.63%	(2.67%)	(3.03%)	8.67%

* Purata Pulangan Tahunan (Berakhir 15 Oktober)		
Setahun	3 Tahun	5 Tahun
(24.98%)	1.70%	2.19%

* **Sumber: Lipper**

Maklumat di atas adalah berdasarkan pengagihan tunai (kasar).

2.2 Prestasi IK KL (Sumber: Bloomberg)

IK KL	1 Tahun	2 Tahun	3 Tahun
Kadar (Penurunan)/Peningkatan	(30.93%)	(3.42%)	2.62%

2.3 Pengagihan Pendapatan

Tarikh/Tahun	15 Oktober		
	2008	2007	2006
Pengagihan Tunai - Bersih (sen seunit)	2.98	6.42	-
- Kasar (sen seunit)	3.45	7.06	-

2.4 Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan

Kesan daripada pengagihan pendapatan kepada NAB Tabung seunit adalah seperti berikut:-

	15 Oktober		
	2008	2007	2006
NAB (cD)	0.7439	1.0472	0.7554
NAB (xD)	0.7141	0.9830	0.7554

NOTA:

Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

Sila rujuk muka surat 33 - 34 bagi asas pengiraan.

3. LAPORAN PENGURUS

Bagi dua belas (12) bulan berakhir 15 Oktober 2008 (16 Oktober 2007 hingga 15 Oktober 2008).

3.1 Analisa Prestasi Tabung

3.1.1 Bandingan Prestasi Tabung dengan Objektif Pelaburan


Pada akhir tahun kewangan berakhir 15 Oktober 2008, peratusan KMB10 telah mengatasi peratusan IK KL hasil daripada pengurangan risiko di dalam pegangan ekuiti. Pulangan KMB10 telah mengalami kejatuhan sebanyak 27.35% berbanding IK KL yang mencatatkan penguncupan sebanyak 30.93%. Sungguhpun demikian KMB10 telah berjaya mengisytiharkan pengagihan tunai sebanyak 2.98 sen (bersih) seunit pada tarikh tersebut sekaligus menjadikan pulangan keseluruhan KMB10 menurun sebanyak 24.32%. Walaupun prestasi KMB10 mengatasi prestasi penanda arasnya, namun objektif Tabung untuk mencapai pertumbuhan modal berterusan agak tersasar disebabkan kejatuhan pasaran saham tempatan dan senario ekonomi global yang tidak menentu.

Namun sejajar dengan pasaran yang tidak menentu di dalam kebanyakan sektor, Pengurus Tabung menjangkakan prestasi Tabung ini akan terus dipertingkatkan di masa akan datang dengan pengurusan dana yang lebih selektif, berhati-hati serta efektif.

Semenjak dilancarkan, Tabung anda telah menunjukkan penurunan nilai modal sebanyak 26.62% berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) RM0.7338 seunit (selepas penyalaraan unit pecahan) pada 15 Oktober 2008 berbanding RM1.00 seunit ketika dilancarkan. Manakala pengagihan tunai Tabung sejak ditubuhkan berjumlah RM3.1264 seunit (selepas penyalaraan unit pecahan). Ini memberikan purata pulangan tahunan semenjak penubuhan Tabung sebanyak 9.53% selaras dengan objektif Tabung.

3.1.2 Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Prestasi Tabung ini berbanding tanda aras IK KL sepanjang tempoh 5 tahun berakhir pada 15 Oktober 2008 adalah seperti berikut:-



Berdasarkan graf perbandingan prestasi KMB10 sepanjang 5 tahun lepas, NAB terendah dan tertinggi KMB10 adalah RM0.7141 dan RM1.0906 yang masing-masing dicatatkan pada 15 Oktober 2008 dan 11 Januari 2008. IK KL pula mencatatkan paras tertinggi pada 11 Januari 2008 iaitu 1,516.22 mata manakala paras terendah iaitu 765.95 mata pula dicatatkan pada 19 November 2003.

Keadaan ini adalah disebabkan hala pasaran global yang tidak menentu serta pasaran tempatan yang menurun di mana Pengurus Tabung mengambil langkah berjaga-jaga melakukan aktiviti-aktiviti pembelian stok-stok terpilih serta penjualan saham sejajar dengan kekuatan pasaran dalam tempoh-tempoh tersebut.

3.2 Prestasi Kewangan Tabung

	15/10/2008 (RM)	15/10/2007 (RM)	% Perubahan
Dividen Kasar	147,112	148,464	(0.91)
Faedah	46,808	34,970	33.85
Faedah Dari Sekuriti Pendapatan Tetap Tersiarharga	-	3,670	-
Faedah Dari Sekuriti Pendapatan Tetap Tak Tersiarharga	-	24,008	-
Pelunasan Premium Dari Sekuriti Pendapatan Tetap Tak Tersiarharga	-	(742)	-
Keuntungan Dari Jualan Pelaburan	226,235	851,409	(73.43)
Pendapatan Pelbagai	-	28	-
Jumlah Pendapatan	420,155	1,061,807	(60.43)
Tolak: Perbelanjaan & Cukai	147,234	158,297	(6.99)
Keuntungan Selepas Cukai	272,921	903,510	(69.79)

3.3 Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL

	15/10/2008	15/10/2007	% Perubahan
Unit Dalam Edaran	6,456,000	6,301,000	2.46
Nilai Aset Bersih (RM)	4,610,518	6,193,767	(25.56)
Nilai Aset Bersih/Unit (RM) - xD	0.7141	0.9830	(27.36)
IK KL	949.88	1,375.25	(30.93)

3.4 Jumlah Pulangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Oktober 2008

* Pertumbuhan Modal/Unit	Pulangan Pendapatan (Bersih)/Unit	* Jumlah Pulangan/Unit
(sen)	(sen)	(sen)
(26.89)	2.98	(23.91)

* Selepas pengagihan pendapatan.

Pada 15 Oktober 2008, unit di dalam edaran meningkat sebanyak 2.46% berbanding tahun lepas. Manakala NAB Tabung pula menunjukkan penurunan sebanyak 25.56%.

NAB seunit susut sebanyak RM0.2391 dari RM0.9830 kepada RM0.7439(cD), menunjukkan jumlah pulangan sebanyak negatif 23.80%. (Sila rujuk muka surat 33 - 34 bagi asas pengiraan). Pengagihan tunai sebanyak 2.98 sen (bersih) seunit memberi pulangan pendapatan sebanyak 3.51% kepada pelabur-pelabur dalam tahun tersebut. IK KL yang dijadikan tanda aras bandingan prestasi Tabung pula mencatat pulangan sebanyak negatif 30.93% sepanjang tempoh yang sama.

3.5 Polisi Dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan Tabung anda adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang pelbagai, merangkumi ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap.


Sepanjang tempoh setahun berakhir 15 Oktober 2008, Pengurus Tabung telah mengurangkan risiko di dalam pegangan ekuiti dengan penjualan saham-saham yang berkeuntungan berdasarkan kekuatan pasaran sekaligus menambahkan pegangan di dalam deposit/tunai berbanding tahun kewangan sebelumnya.

3.6 Pengagihan Aset-Aset Tabung


Sepanjang tempoh kajian berakhir 15 Oktober 2008, pengkhususan adalah ke arah saham-saham berwajaran tinggi. Ini adalah kerana prospek ke hadapan yang dilihat kurang risiko dan lebih terkawal memandangkan senario ekonomi global yang tidak menentu.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan pasaran di Bursa Malaysia tidak menentu pada tempoh kajian ini, maka Pengurus Tabung mengambil keputusan untuk menambahkan pegangan dalam deposit/tunai berbanding tahun kewangan sebelumnya bagi mengurangkan risiko pergerakan menurun IK KL yang ketara.

Pengagihan Aset KMB10 Pada 15/10/2008



Pengagihan Aset KMB10 Pada 15/10/2007




3.7 Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

Pecahan Pulangan Seunit Mengikut Kelas Aset						
	15 Okt 2008	15 Okt 2007	Naik/ (Turun)	Purata Pendedahan Pelaburan	Purata Pulangan	Pecahan Kepada Jumlah Pulangan
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Ekuiti	50.36	77.18	(34.75)	63.77	(36.19)	(23.08)
Instrumen pasaran wang, dan lain-lain	49.64	22.82	117.53	36.23	2.53	0.92
Perbelanjaan						(2.16)
Jumlah Pulangan						(24.32)

Untuk jangkamasa setahun berakhir 15 Oktober 2008, Pengurus Tabung telah melabur di pasaran ekuiti sebanyak 50.36%. Pelaburan ekuiti telah menghasilkan purata pulangan negatif sebanyak 36.19%. Manakala pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan lain-lain bentuk pelaburan pula telah mencatat purata pulangan yang positif iaitu sebanyak 2.53% untuk jangkamasa yang sama.

3.8 Suasana Bursa Saham Tempatan



Sokongan yang kukuh merangsang IK KL ke tahap tertinggi dalam bulan Oktober 2007 pada 1,413 mata berikutan penurunan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) dari 5.25% kepada 4.75%, yang dijangka dapat meredakan masalah pinjaman sub-prima dan mengelakkan AS dari mengalami kemerosotan ekonomi. Peningkatan ini juga disebabkan oleh sentimen positif yang berpunca daripada pelancaran Koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*ECER*) dan beberapa berita perkembangan termasuk kemasukan pelabur-pelabur asing dari Timur Tengah dalam rancangan Wilayah Pembangunan Iskandar (*IDR*).

Pasaran saham serantau mengalami kemerosotan pada bulan November 2007 ekoran kesan pinjaman subprima di AS yang masih belum selesai. Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan pasaran saham tempatan yang menunjukkan prestasi mantap disokong oleh fundamental korporat dan ekonomi tempatan yang kukuh. Pada masa yang sama, pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku ketiga 2007 yang menunjukkan peningkatan 6.7% ekoran pertumbuhan sihat kedua-dua sektor swasta dan awam telah melonjakkan sentimen pelabur untuk terus aktif di pasaran saham tempatan. Sentimen pasaran terus kukuh apabila harga minyak kelapa sawit melepasi paras RM3,000 per tan sekali gus membantu meningkatkan lagi harga saham syarikat-syarikat perladangan.

Pada separuh pertama bulan Januari 2008, prestasi kukuh yang berterusan dalam sektor perladangan telah memacu IK KL kepada paras tertinggi terbaru iaitu 1,516.22 mata pada 11 Januari 2008. Namun, pada separuh kedua, kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi AS mengakibatkan IK KL turun kepada 1,354.48 mata pada 22 Januari 2008, sejajar dengan prestasi ekuiti global.

IK KL pulih sedikit pada akhir bulan disebabkan sentimen pelabur yang positif selepas Rizab Persekutuan AS menurunkan kadar faedah sebanyak dua kali, iaitu sebanyak 75 dan 50 mata asas yang masing-masing adalah pada 22 dan 30 Januari 2008. Ini telah menyebabkan kadar Tabung Persekutuan (*Federal Fund*) menurun kepada 3%.

IK KL meningkat pada separuh pertama bulan Februari ekoran pengumuman KDNK bagi suku keempat 2007 yang meningkat kepada 7.3% sebelum kembali merosot pada separuh kedua bulan Februari 2008, di mana sentimen pasaran saham bertukar lemah berpunca daripada pasaran serantau yang tidak menentu dan aktiviti-aktiviti pengambilan untung menjelang pilihanraya umum yang akan diadakan pada awal bulan Mac. Pada masa yang sama, peningkatan harga-harga komoditi utama seperti minyak mentah turut menyumbang kepada kejatuhan IK KL.

Pada bulan Mac 2008, berikutan keputusan Pilihanraya Umum ke-12 (PRU-12) yang di luar jangkaan memperlihatkan Barisan Alternatif (BA) berjaya menghalang Barisan Nasional (BN) daripada memperoleh majoriti 2/3 kerusi di Parlimen, telah menimbulkan kebimbangan di kalangan para pelabur. Keadaan tersebut telah menyebabkan IK KL menjunam pada hari urusniaga berikutnya sebanyak 10% menyebabkan urusniaga di Bursa Malaysia dihentikan buat pertama kali. Selain daripada itu, prestasi yang tidak menentu di pasaran Wall Street dan juga serantau serta kemerosotan harga minyak kelapa sawit juga turut memberi kesan kepada kejatuhan pasaran saham.

Pada minggu pertama bulan April 2008, susulan daripada keputusan PRU-12 yang lalu berkemungkinan memberi impak yang kurang memberangsangkan kepada ekonomi secara keseluruhan melalui penilaian semula atau penangguhan beberapa projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa yang sama, pasaran serantau masih berada dalam kebimbangan kesan daripada turun naik pasaran New York yang terus dipengaruhi oleh krisis pinjaman sub-prima dan jangkaan kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat. Sementara itu, harga komoditi seperti minyak mentah pula turut melonjak naik untuk mencatatkan rekod melebihi USD110 setong pada 9 April 2008. Keadaan ini telah melegakan pasaran dalam tempoh berkenaan.

Walaupun IK KL menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di awal bulan Mei 2008 kesan kenaikan harga komoditi, pasaran saham kembali suram di akhir bulan mencerminkan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti global dan perkembangan politik dalam negeri yang tidak menentu. Pengunduran Dr. Mahathir daripada UMNO dan perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa ahli politik di Sabah terhadap pentadbiran UMNO terus melemahkan sentimen di pasaran saham. Manakala, pada bulan Jun 2008, penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas serta pelaksanaan cukai ke atas keuntungan yang berlebihan (*windfall tax*) ke atas sektor perladangan mengejutkan banyak pihak menyebabkan pasaran saham tempatan mengalami kemerosotan ekoran penjualan saham-saham secara keseluruhan. Pada masa yang sama, cadangan parti komponen BN iaitu SAPP untuk mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri turut memberi impak yang negatif kepada sentimen pasaran.

Pasaran saham terus merundum pada bulan Julai 2008 ekoran ketidaktentuan politik tempatan, pasaran serantau yang lemah dan kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang menjejaskan saham-saham perladangan. Pada dasarnya, prestasi pasaran saham semasa dipengaruhi oleh harga-harga komoditi terutamanya harga minyak mentah dan juga harga minyak kelapa sawit di mana harga minyak mentah telah melonjak naik mencatatkan rekod tertinggi ke paras USD145 setong pada pertengahan bulan Julai 2008. Kebanyakan para pelabur mengambil langkah tunggu dan lihat ekoran pasaran yang tidak menentu dan persepsi negatif pelabur terhadap pasaran saham menyebabkan IK KL di tutup rendah pada bulan Julai 2008.

Pasaran saham Malaysia menunjukkan prestasi yang negatif pada separuh pertama Ogos 2008 apabila IK KL terus merosot untuk berada di bawah paras 1,100 mata ekoran kejatuhan yang berterusan dalam harga saham-saham perladangan dan juga sentimen pasaran yang tidak bermaya disebabkan oleh suasana politik tempatan yang tidak menentu.

Pasaran saham tempatan kekal tidak bermaya pada bulan September 2008 kesan daripada kebimbangan terhadap kejatuhan pasaran saham serantau dan juga Wall Street menyebabkan IK KL merosot sebanyak 14 peratus pada bulan tersebut. Pada masa yang sama, kejatuhan dalam harga komoditi seperti minyak kelapa sawit menyebabkan harga saham-saham perladangan terus merosot. Manakala, pada awal bulan Oktober pula, pasaran saham kekal tidak bermaya menyebabkan IK KL susut di bawah paras 1,000 mata. Kemerosotan ini adalah berpunca daripada tekanan jualan oleh pelabur-pelabur asing dan kejatuhan harga komoditi seperti minyak mentah dan juga minyak kelapa sawit.

3.9 Suasana Pasaran Wang

Sepanjang tempoh 1 September 2008 hingga 30 Oktober 2008, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil. Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan tidak berubah pada bulan September 2008 dan Oktober 2008. Pada 15 Oktober 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan kekal dalam julat 3.08% dan 3.70%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, Kadar Pinjaman Asas (BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala Kadar Pinjaman Purata (ALR) terus menurun kepada 5.96% pada bulan September 2008 (Ogos 2008: 5.98%)

Sementara itu, kadar inflasi menjadi sederhana kepada 8.2% pada bulan September 2008 (Ogos 2008: 8.5%), susulan langkah kerajaan menurunkan harga bahan api.

(Sumber: Perkembangan Monetari dan Kewangan, BNM)

3.10 Pengagihan Pendapatan

Berdasarkan kepada pendapatan Tabung semasa, Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah telah mengisytiharkan pengagihan tunai sebanyak 2.98 sen (bersih) (kasar: 3.45 sen) seunit kepada semua pemegang-pemegang unit yang berdaftar pada 15 Oktober 2008. Pengagihan tunai tersebut akan dibayar pada atau sebelum 15 Disember 2008.

3.11 Terbitan Unit Pecahan

Tiada terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tahun kewangan berakhir 15 Oktober 2008.

3.12 Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan

Pengisytiharan pengagihan pendapatan telah menurunkan NAB Tabung seunit dari RM0.7439 kepada RM0.7141.

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)	Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)
* Nilai Aset Bersih	RM 0.7439	RM 0.7141

Harga Urusniaga Unit Pada 15 Oktober 2008

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)	Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)
* Nilai Aset Bersih	RM 0.7439	RM 0.7141

* Melalui Kaedah Harga Tunggal (SPR), penjualan dan pembelian balik bersamaan NAB seunit.

3.13 Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit

Di dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang unit selain dari urusniaga-urusniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.14 Rebet dan Komisen Tidak Langsung

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 15 Oktober 2008, Pengurus Tabung tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham mahupun analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

4. PERNYATAAN PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Oktober 2008, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
Selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH

NIK MOHAMED ZAKI BIN NIK YUSOFF
Pengarah

DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED
Pengarah

KUALA LUMPUR
13 November 2008

5. LAPORAN JURUAUDIT

Kepada Pemegang-Pemegang Unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan dan jadual untuk Kumpulan Modal Bumiputera Yang Kesepuluh, yang terdiri daripada lembaran imbangan pada 15 Oktober 2008, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan pada nilai aset bersih dan penyata aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir 15 Oktober 2008 dan dasar perakaunan serta nota-nota penjelasan, yang dibentangkan.

Tanggungjawab pengurus dan pemegang amanah ke atas penyata kewangan

Pengurus Tabung bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada melibatkan penipuan atau kesilapan, memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus Tabung menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperoleh pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami memenuhi kehendak etika dan perancangan serta pelaksanaan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan merangkumi pelaksanaan bagi memperoleh prosedur, bukti-bukti berkaitan kepada amaun-amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada melibatkan penipuan atau kesilapan. Dalam menentukan penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan Tabung yang saksama bagi mencapai kaedah pengauditan yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk mengemukakan pandangan terhadap keberkesanan kawalan dalaman Tabung tersebut. Pengauditan juga meliputi penilaian terhadap dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran perakaunan yang penting yang dibuat oleh Pengurus, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami berpendapat bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian bagi memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan dan nota-nota yang dibentangkan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan penilaian pelaburan dan memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan keadaan urusan Tabung pada 15 Oktober 2008, pergerakan nilai aset bersih dan hasil serta aliran tunai Tabung untuk tahun berakhir pada tarikh itu.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Tabung yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Tabung untuk tahun berakhir 15 Oktober 2008. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

Lain-Lain Perkara

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat yang bebas berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan dan dengan tiada tujuan lain untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan kepada anda, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

AHMAD ABDULLAH & GOH AF-0381
Akauntan Bertauliah
Juruaudit

GOH KENG JUAY 461/05/09(J)
CA(M), FCA(E&W)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur

13 November 2008

6. PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH

Kami, AMANAH RAYA BERHAD bertindak selaku Pemegang Amanah kepada KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH bagi tahun kewangan berakhir 15 Oktober 2008. Pada pendapat kami, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH telah mengurus tabung berkenaan selaras dengan had-had kuasa pelaburan. Kami juga berpendapat bahawa pihak ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah mengawalselia tabung mengikut Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir 15 Oktober 2008.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Prosedur dan proses yang digunakan oleh syarikat pengurusan untuk menilai dan/atau menentukan harga unit tabung tersebut adalah mencukupi dan bahawa nilai/harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- b) Jualan, belian balik, penjadian dan perlucutan unit berkenaan adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KESEPULUH adalah selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk dan bagi pihak
AMANAH RAYA BERHAD

DATO' AHMAD RODZI PAWANTEH
Pengarah Urusan Kumpulan

KUALA LUMPUR
21 November 2008

7. PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 15 OKTOBER 2008

	<u>NOTA</u>	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
PELABURAN	4		
SAHAM TERSIARHARGA		2,245,975	4,780,737
DERIVATIF TERSIARHARGA		75,753	136,667
SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK	5	1,912,192	1,005,504
		<u>4,233,920</u>	<u>5,922,908</u>
LAIN-LAIN ASET			
WANG DI BANK		496,487	560,456
TERHUTANG OLEH BROKER SAHAM		-	71,626
LAIN-LAIN SIBERHUTANG		65,485	34,508
TUNTUTAN CUKAI		45,593	50,919
		<u>607,565</u>	<u>717,509</u>
JUMLAH ASET		<u>4,841,485</u>	<u>6,640,417</u>
LIABILITI			
TERHUTANG KEPADA PENGURUS		3,024	4,000
TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH		202	267
LAIN-LAIN SIPIUTANG		3,567	2,780
PENGAGIHAN	6	192,389	404,524
PERUNTUKAN CUKAI		31,785	35,079
JUMLAH LIABILITI		<u>230,967</u>	<u>446,650</u>
NILAI ASET BERSIH	7	<u>4,610,518</u>	<u>6,193,767</u>
KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT			
MODAL UNIT BERSIH	8	13,360,816	13,028,083
RIZAB BELUM DIREALISASI	9	(845,690)	970,681
KERUGIAN TERKUMPUL		(7,904,608)	(7,804,997)
		<u>4,610,518</u>	<u>6,193,767</u>
UNIT DALAM EDARAN	8	<u>6,456,000</u>	<u>6,301,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - XD		<u>0.7141</u>	<u>0.9830</u>

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 OKTOBER 2008**

	<u>NOTA</u>	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
PENDAPATAN			
DIVIDEN KASAR		147,112	148,464
FAEDAH		46,808	34,970
FAEDAH DARI SEKURITI PENDAPATAN TETAP TERSIARHARGA		-	3,670
FAEDAH DARI SEKURITI PENDAPATAN TETAP TAK TERSIARHARGA		-	24,008
PELUNASAN PREMIUM DARI SEKURITI PENDAPATAN TETAP TAK TERSIARHARGA		-	(742)
KEUNTUNGAN DARI JUJALAN PELABURAN		226,235	851,409
PENDAPATAN PELBAGAI		-	28
		<u>420,155</u>	<u>1,061,807</u>
PERBELANJAAN			
YURAN PENGURUS	10	89,715	92,217
YURAN PEMEGANG AMANAH	11	5,981	6,148
YURAN AUDIT		1,500	1,500
YURAN AGEN CUKAI		640	640
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		19,009	17,556
		<u>116,845</u>	<u>118,061</u>
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		<u>303,310</u>	<u>943,746</u>
CUKAI	12	(30,389)	(40,236)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		<u>272,921</u>	<u>903,510</u>
PENGAGIHAN: (AKHIR) 3.45 SEN (KASAR) (BERSIH 2.98 SEN) SEUNIT [2007 : 7.06 SEN (KASAR) (BERSIH 6.42 SEN) SEUNIT]	6	(192,389)	(404,524)
		<u>80,532</u>	<u>498,986</u>
PENGIMBANGAN AGIHAN		(180,143)	3,978,061
		<u>(99,611)</u>	<u>4,477,047</u>
